



**PENGARUH LITERASI KEWANGAN, AGEN
SOSIALISASI KEWANGAN DAN LOKUS
KAWALAN TERHADAP AMALAN
PENGURUSAN KEWANGAN DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI**



NORHASLINDA BINTI DAUD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





**PENGARUH LITERASI KEWANGAN, AGEN SOSIALISASI KEWANGAN DAN
LOKUS KAWALAN TERHADAP AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN
DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI**

NORHASLINDA BINTI DAUD



**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 11 November 2019

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORHASLINDA BINTI DAUD, P20151000889, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pengaruh Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan Dan Lokus Kawalan Terhadap Amalan Pengurusan Kewangan Dan Pencapaian Akademik Pelajar Institusi Pengajian Tinggi adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NORLIA BINTI MAT NORWANI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengaruh Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan Dan Lokus Kawalan Terhadap Amalan Pengurusan Kewangan Dan Pencapaian Akademik Pelajar Institusi Pengajian Tinggi dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Perakaunan.

11/11/2019

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pengaruh Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan Dan Lokus Kawalan Terhadap Amalan Pengurusan Kewangan Dan Pencapaian Akademik Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

No. Matrik /Matric No.: P20151000889

Saya / I : Norhaslinda Binti Daud

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 11/11/2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, saya dapat menyiapkan kajian yang bertajuk Pengaruh Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan dan Lokus Kawalan terhadap Amalan Pengurusan Kewangan dan Pencapaian Akademik Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam tempoh yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Norlia binti Mat Norwani selaku penyelia kajian ini di atas segala bimbingan, panduan dan nasihat serta tunjuk ajar yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada suami dan keluarga tercinta di atas segala sokongan moral dan semangat yang diberikan. Segala pengorbanan dan doa kalian amat dihargai dan akan dikenang sepanjang hayat. Tidak ketinggalan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang turut terlibat dalam menyumbangkan idea serta saranan yang bernas dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, sekali lagi diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha membantu menyiapkan kajian serta penulisan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang ditadbirkan kepada 480 orang responden yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di lapan IPT. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti frekuensi, peratus, min, sisihan piawai, ujian-t sampel tidak bersandar dan ujian linear regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan sumber utama kewangan responden terdiri daripada biasiswa atau pinjaman yang diperoleh daripada badan kerajaan atau swasta. Majoriti responden mengalami masalah kewangan kerana wujud ketidakseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan. Responden mempunyai tahap literasi kewangan (Min=3.29, SP=1.01), agen sosialisasi kewangan (Min=2.48, SP=1.10), lokus kawalan (Min=3.30, SP=1.00), amalan pengurusan kewangan (Min=3.13, SP=0.99) dan pencapaian akademik (Min=2.74, SP=0.92) yang sederhana. Pengujian hipotesis mendapati pelajar lelaki mempunyai amalan pengurusan kewangan yang lebih baik $t(478)=2.60$, $p<0.05$. Berdasarkan bidang pengajian, pelajar bukan sains mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih baik $t(478)=2.00$, $p<0.05$ manakala pelajar sains mempunyai tahap agen sosialisasi kewangan yang lebih baik $t(478)=2.36$, $p<0.05$. Ujian linear regresi berganda menunjukkan faktor yang memberi kesan secara signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan ialah agen sosialisasi kewangan ($\beta=0.37$, $p<0.001$), literasi kewangan ($\beta=0.29$, $p<0.001$) dan lokus kawalan ($\beta=0.27$, $p<0.001$) dengan $R^2=0.326$ ($p<0.001$). Bagaimanapun hanya faktor agen sosialisasi kewangan ($\beta=0.14$, $p<0.001$) yang memberi kesan signifikan terhadap pencapaian akademik dengan $R^2=0.033$ ($p<0.001$). Faktor lokus kawalan bertindak sebagai mediator ($\beta=0.27$, $p<0.001$) antara pengaruh literasi kewangan dan agen sosialisasi kewangan terhadap amalan pengurusan kewangan pelajar secara signifikan. Kesimpulannya, literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan ternyata mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar. Kursus kewangan sewajarnya dijadikan kursus asas dalam program pendidikan di IPT bagi membantu pelajar mengendalikan kewangan mereka dengan baik dan memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.





THE EFFECT OF FINANCIAL LITERACY, FINANCIAL SOCIALIZATION AGENTS AND LOCUS OF CONTROL ON FINANCIAL MANAGEMENT PRACTICES AND THE ACADEMIC ACHIEVEMENTS OF STUDENTS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEI)

ABSTRACT

This study aimed to examine the influence of financial literacy, financial socialization agents and locus of control on financial management practices and the academic achievements of students in Higher Education Institutions (HEI). The survey was conducted using a questionnaire instrument which was administered to 480 respondents who took the Bachelor Degree program at eight HEI. The data were analyzed using descriptive statistic and inference such as frequency, percentage, mean, standard deviation, independent sample t-test and multiple linear regression test. The findings show that the main sources of the respondents' funding are scholarships or loans that are obtained from government or private bodies. A majority of respondents are experiencing financial problems because there is an imbalance between income and expenditure. Respondents have a moderate level of financial literacy (Mean=3.29, SD=1.01), financial socialization agents (Mean=2.48, SD=1.10), locus of control (Mean=3.30, SD=1.00), financial management practices (Mean=3.13, SD=0.99) and academic achievement (Mean=2.74, SD=0.92). The hypothesis testing has found that male students have better financial management practices $t(478)=2.60$, $p<0.05$. Based on the field of study, non-science students have a better level of financial literacy $t(478)=2.00$, $p<0.05$ while science students have a better level of financial socialization agent $t(478)=2.36$, $p<0.05$. Multiple linear regression tests have indicated that factors that significantly affect financial management practices are financial socialization agents ($\beta=0.37$, $p<0.001$), financial literacy ($\beta=0.29$, $p<0.001$), and locus of control ($\beta=0.27$, $p<0.001$) with $R^2=0.326$ ($p<0.001$). However, only the financial socialization agent factor ($\beta=0.14$, $p<0.001$) have a significant impact on academic achievement with $R^2=0.033$ ($p<0.001$). The locus of control factor acts as a significant mediator ($\beta=0.27$, $p<0.001$) between the influence of financial literacy and financial socialization agents on the student's financial management practices. In conclusion, financial literacy, financial socialization agents and locus of control have influenced student financial management practices and academic achievement. Financial courses should be used as a basic course in HEI education program to help students to manage their finances well and to attain excellent academic achievement.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	13
1.4	Objektif Kajian	23
1.5	Persoalan Kajian	24
1.6	Hipotesis Kajian	25



1.7	Kerangka Konseptual Kajian	27
1.8	Kepentingan Kajian	34
1.9	Batasan Kajian	41
1.10	Definisi Operasional	42
1.11	Rumusan	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	48
2.2	Pembiayaan Pendidikan dan Pengurusan Kewangan Pelajar	49
2.3	Kewangan dan Pendidikan	50
2.3.1	Kos Akademik	51
2.3.1.1	Yuran Pengajian	51
2.3.1.2	Alatan Pembelajaran	53
2.3.2	Kos Sara Hidup	53
2.3.2.1	Keperluan Asas	55
2.3.2.2	Keperluan Harian	56
2.3.2.3	Hiburan dan Gaya Hidup Mewah	57
2.4	Sumber Kewangan Pelajar	59
2.4.1	Pinjaman dan Biasiswa	59
2.4.1.1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	60
2.4.1.2	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	61

2.4.1.3	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	62
2.4.1.4	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	62
2.4.1.5	Pinjaman Bank	63
2.4.2	Bantuan Ibu Bapa atau Keluarga	65
2.4.3	Melakukan Kerja Sambilan	67
2.5	Permasalahan Kewangan	68
2.5.1	Bantuan Kewangan Lewat Diterima	69
2.5.2	Tiada Sumber Kewangan Lain	69
2.5.3	Wang Pinjaman atau Biasiswa Tidak Mencukupi	70
2.6	Kajian Lepas	71
2.6.1	Keutamaan Dalam Perbelanjaan	71
2.6.2	Perbelanjaan Pelajar dan Kesan Sampingan	73
2.7	Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Pengurusan Kewangan	80
2.8	Pengaruh Agen Sosialisasi Kewangan Terhadap Pengurusan Kewangan	84
2.9	Pengaruh Lokus Kawalan Terhadap Pengurusan Kewangan	87
2.10	Perbezaan Gender dalam Pengurusan Kewangan	90
2.11	Pencapaian Akademik Berdasarkan Gender	93
2.12	Pengaruh Literasi Kewangan Berdasarkan Bidang Pengajian	96
2.13	Pengaruh Agen Sosialisasi Kewangan Berdasarkan Bidang Pengajian	99
2.14	Pengaruh Lokus Kawalan Berdasarkan Bidang Pengajian	100

2.15	Perbezaan Jurusan dalam Pengurusan Kewangan	101
2.16	Pencapaian Akademik Berdasarkan Bidang Pengajian	102
2.17	Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan Dan Lokus Kawalan Terhadap Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar	104
2.18	Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Pencapaian Akademik	106
2.19	Pengaruh Agen Sosialisasi Kewangan Terhadap Pencapaian Akademik	108
2.20	Pengaruh Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Akademik	110
2.21	Lokus Kawalan Sebagai Mediator Di Antara Literasi Kewangan Dan Agen Sosialisasi Kewangan Terhadap Amalan Pengurusan Kewangan	113
2.22	Lokus Kawalan Sebagai Mediator Di Antara Literasi Kewangan Dan Agen Sosialisasi Kewangan Terhadap Pencapaian Akademik	114
2.23	Rumusan	115

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	116
3.2	Reka Bentuk Kajian	117
3.3	Lokasi Kajian	120
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	121
3.5	Instrumen Kajian	123
3.6	Pengukuran Pemboleh Ubah	126
3.7	Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	128

3.8	Prosedur Kajian	131
3.9	Kaedah Analisis Data	132
3.10	Rumusan	139

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	140
4.2	Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	141
4.3	Penyaringan Data	147
4.4	Taburan Normaliti Data	147
4.5	Analisis Deskriptif	149

4.5.1	Jantina Responden	150
4.5.2	Umur Responden	150
4.5.3	Etnik atau Bangsa Responden	151
4.5.4	Nama IPT Responden	152
4.5.5	Program Pengajian yang diikuti oleh Responden	153
4.5.6	PNGK Responden	156
4.6	Sumber Utama Kewangan Responden	156
4.7	Permasalahan Kewangan yang dihadapi oleh Responden	159
4.8	Tahap Literasi Kewangan Pelajar di IPT	166
4.9	Tahap Agen Sosialisasi Kewangan Pelajar di IPT	167
4.10	Tahap Lokus Kawalan Pelajar di IPT	168
4.11	Tahap Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar di IPT	169

4.12	Tahap Pencapaian Akademik Pelajar di IPT	170
4.13	Tahap Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan dan Lokus Kawalan Berdasarkan Faktor Jantina	170
4.14	Tahap Pencapaian Akademik dan Amalan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Faktor Jantina	172
4.15	Tahap Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan dan Lokus Kawalan Berdasarkan Faktor Bidang Pengajian Pelajar	173
4.16	Tahap Pencapaian Akademik dan Amalan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Faktor Bidang Pengajian Pelajar	174
4.17	Pengaruh Faktor Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan dan Lokus Kawalan terhadap Amalan Pengurusan Kewangan	175
4.18	Pengaruh Faktor Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan dan Lokus Kawalan terhadap Pencapaian Akademik	177
4.19	Faktor Lokus Kawalan Bertindak Sebagai Mediator di Antara Pengaruh Literasi Kewangan dan Agen Sosialisasi Kewangan terhadap Amalan Pengurusan Kewangan	179
4.20	Faktor Lokus Kawalan Bertindak Sebagai Mediator di antara Pengaruh Literasi Kewangan dan Agen Sosialisasi Kewangan terhadap Pencapaian Akademik	181
4.21	Kesimpulan	184

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	188
5.2	Perbincangan	189
5.3	Implikasi Kajian	196



5.4 Cadangan akan datang 206

5.5 Penutup 209

RUJUKAN 210

LAMPIRAN 237



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai IPT Mengikut Zon	120
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	122
3.3	Pekali Saiz Alfa Cronbach (Peraturan Umum)	129
3.4	Keputusan Ujian Kebolehppercayaan Pemboleh Ubah Alfa Cronbach	130
3.5	Penentuan Tahap	134
3.6	Soalan Kajian dan Jenis Analisis Data	137
3.7	Hipotesis dan Jenis Analisis Data	138
4.1	Jadual EFA Bahagian Literasi Kewangan	142
4.2	Jadual EFA Bahagian Agen Sosialisasi Kewangan	143
4.3	Jadual EFA Bahagian Lokus Kawalan	144
4.4	Jadual EFA Bahagian Amalan Pengurusan Kewangan	145
4.5	Jadual EFA Bahagian Masalah Kewangan	146
4.6	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	148
4.7	Jadual Ujian Normaliti <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	149
4.8	Jantina Responden	150
4.9	Umur Responden	151

4.10	Etnik atau Bangsa Responden	151
4.11	Nama IPT Responden	153
4.12	Program Pengajian Responden	155
4.13	PNGK Responden	156
4.14	Sumber Kewangan Responden	157
4.15	Sumber Kewangan Responden Daripada Keluarga	158
4.16	Sumber Kewangan Responden Daripada Kerja Sampingan	158
4.17	Sumber Kewangan Responden Daripada Simpanan	159
4.18	Permasalahan Kewangan yang dihadapi oleh Responden	165
4.19	Tahap Item Literasi Kewangan	166
4.20	Tahap Item Agen Sosialisasi Kewangan	167
4.21	Tahap Item Lokus Kawalan	168
4.22	Tahap Item Amalan Pengurusan Kewangan	169
4.23	Analisis Deskriptif PNGK (N=480)	170
4.24	Perbandingan Min Berdasarkan Jantina	171
4.25	Perbandingan Min Berdasarkan Jantina	172
4.26	Perbandingan Min Berdasarkan Bidang Pengajian	174
4.27	Perbandingan Min Berdasarkan Bidang Pengajian	175
4.28	Ujian Linear Regresi Berganda bagi Amalan Pengurusan Kewangan dengan Faktor-Faktor yang dikaji	176
4.29	Ujian Linear Regresi Berganda bagi Pencapaian Akademik dengan Faktor-Faktor yang dikaji	178



- | | | |
|------|---|-----|
| 4.30 | Ujian Linear Regresi Berganda Pengaruh Faktor Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan terhadap Amalan Pengurusan Kewangan di mana Lokus Kawalan sebagai Mediator | 180 |
| | | |
| 4.31 | Ujian Linear Regresi Berganda Pengaruh Faktor Literasi Kewangan, Agen Sosialisasi Kewangan terhadap Pencapaian Akademik di mana Lokus Kawalan Sebagai Mediator | 182 |



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

27

SENARAI SINGKATAN

CGPA / PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
GPA / PNG	Purata Nilai Gred
CRIRES	<i>Research Center on Academic Success</i>
EFA	Analisis Faktor Eksploratori
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MdI	Jabatan Insolvensi Malaysia
MMU	Universiti Multimedia
OECD	<i>Organization of Economic Co-operation and Development</i>
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
SPP	Skim Pinjaman atau Pembiayaan Pendidikan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

SSPN Skim Simpanan Pendidikan Nasional

SST Cukai Jualan dan Perkhidmatan

UiTM Universiti Teknologi Mara

UMP Universiti Malaysia Pahang

UNITEN Universiti Tenaga Nasional

UPM Universiti Putra Malaysia

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris

UTeM Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UTP Universiti Teknologi Petronas

WPP Wang Pendahuluan Pembiayaan



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Wang sangat diperlukan dalam segala aspek kehidupan seharian kita, khususnya untuk melicinkan aktiviti kewangan yang semakin kompleks di dunia yang serba moden ini. Tanpa wang, banyak keperluan dan perkhidmatan tidak dapat dipenuhi. Ramai orang bersetuju bahawa wang hanyalah satu perantara untuk memperoleh keselesaan dan keselamatan hidup, kebahagiaan dan kesejahteraan selain daripada untuk memenuhi keperluan fisiologi dalam menjalani kehidupan. Menurut Brigham, Houston, Jun-Ming, Yoon Kee dan Bany-Ariffin (2014), pengurusan kewangan adalah satu seni dan sains





mengurus wang yang melibatkan pelbagai penggunaan teori ekonomi dan matlamat perakaunan bagi mencapai matlamat firma dan individu.

Pelajar di peringkat pengajian tinggi memerlukan wang yang lebih banyak untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup di universiti kerana kos pendidikan tinggi di institusi pendidikan awam dan swasta semakin meningkat. Menurut Haslina, Naimah dan Hamzan (2013), hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan kewangan amat diperlukan oleh pelajar.

Merujuk *Organization of Economic Co-operation and Development*, OECD



05

(2012), literasi kewangan bermaksud gabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan kelakuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang kukuh dan akhirnya mencapai kesejahteraan kewangan individu. Menjadi individu yang celik kewangan bermakna seseorang akan mendapat manfaat daripada kebolehan dan sikap seperti pemahaman konsep pengurusan wang, pengetahuan mengenai institusi kewangan dan sikap yang membolehkan pengurusan kewangan yang berkesan dan bertanggungjawab.





Menurut Md Hafizi (2013), mahasiswa yang tidak didedahkan kepada kemahiran dan pengetahuan menguruskan kewangan secara berkesan apabila bekerja kelak akan berhadapan dengan kemelut kewangan kerana alam pekerjaan lebih mencabar seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi selepas bergraduasi. Kewujudan agen sosialisasi kewangan seperti ibu bapa, rakan-rakan, media massa dan elektronik dan selebriti kegemaran juga akan membuatkan kedudukan kewangan pelajar semakin goyah lantas menjejaskan prestasi akademik mereka (Shashi Kumar, Das Col, Prabhu Brig, Bhat Col, Jyoti Prakash Col, Seema & Basannar, 2013). Ini kerana agen-agen ini mampu mempengaruhi kedudukan kewangan dan prestasi akademik pelajar.



Lokus kawalan pula merupakan kepercayaan individu mengenai keupayaan tindakan mereka sendiri yang menentukan hasil akhir. Individu yang menguruskan kewangan mereka dengan baik akan dapat mencapai kepuasan kewangan atau kedudukan kewangan yang stabil. Merujuk Grable, Park dan Joo (2009) terdapat dua kelebihan lokus kawalan dalaman berbanding luaran, individu dengan lokus kawalan dalaman sangat percaya bahawa mereka mengawal kewangan mereka sendiri dan amalan mereka yang akan menentukan kesejahteraan kewangan mereka. Oleh itu, individu ini cenderung mempamerkan tingkah laku kewangan yang lebih bertanggungjawab. Sebaliknya, mereka dengan lokus kawalan luar mempunyai keyakinan yang kuat bahawa takdir mereka sebahagian besar ditentukan oleh faktor di luar kawalan mereka seperti nasib dan peluang.





Oleh itu, pelajar yang mengawal kewangan secara dalaman dan luaran akan berjaya menguruskan kewangan yang mantap dan meraih prestasi akademik yang tinggi. Ini dibuktikan oleh kajian Shinde dan Joshi (2011) locus kawalan mempunyai kesan yang signifikan terhadap kehidupan pelajar, keputusan dan pilihan mereka berkaitan dengan prestasi akademik, tingkah laku di dalam kelas, perkembangan kerjaya, hubungan interpersonal dan kesihatan dipengaruhi oleh persepsi mereka terhadap kawalan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang pendidikan dan perancangan pembangunan tenaga manusia yang komprehensif telah menjadi agenda penting dalam proses pembangunan di Malaysia. Pendidikan juga merupakan satu pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan. Matlamatnya adalah untuk melahirkan tenaga manusia yang berilmu, mahir dan dinamis bagi pembangunan negara. Ianya diakui sebagai salah satu jenis pelaburan manusia yang menghasilkan keuntungan atau manfaat ekonomi dan menyumbang kepada kekayaan negara. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa kerajaan memperuntukkan wang yang banyak untuk bidang pendidikan. Bidang pendidikan akan terus menjadi keutamaan kerajaan terutamanya dalam usaha transformasi sistem pendidikan yang sedang diusahakan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).





Kos pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari segi yuran, buku-buku akademik dan juga bahan-bahan tugas semakin meningkat (Aisyah & Wajeeha, 2016). Begitu juga halnya dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya di bandar-bandar besar. Tidak dapat dinafikan perkara yang sering mengganggu fikiran ibu bapa, khususnya pelajar-pelajar peringkat pengajian tinggi yang datang dari latar belakang keluarga yang sederhana dan miskin adalah memikirkan bagaimana untuk mendapatkan sumber kewangan untuk melanjutkan pelajaran.

Untuk memastikan semua golongan mendapat pendidikan yang seimbang, maka kerajaan dan badan bukan kerajaan menawarkan skim pinjaman pelajaran dan juga biasiswa bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Contohnya daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Namun begitu, menurut Siti Alida dan Halimah (2007), pembiayaan kerajaan kepada para pelajar peringkat tinggi telah mengalami perubahan yang ketara semenjak sepuluh tahun yang lalu, di mana bantuan kerajaan dalam bentuk biasiswa semakin berkurangan dan digantikan dengan program pinjaman pelajar. Pinjaman dan biasiswa yang terhad ini adalah untuk menampung yuran pengajian, penginapan dan perbelanjaan harian pelajar di universiti. Lebih-lebih lagi, dewasa ini kita dibebankan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan yang mendadak dengan kewujudan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diperkenalkan pada 1 September 2018. Ini sedikit sebanyak turut mempengaruhi kedudukan kewangan pelajar.





Bagi individu yang bernasib baik dilahirkan dalam keluarga yang berharta mungkin tidak menjadi masalah kerana mampu memiliki apa sahaja yang dikehendaki. Tetapi bagi mereka yang mempunyai sumber kewangan yang terhad, mereka perlu berusaha keras dalam memenuhi segala keperluan serta keinginan. Walaubagaimanapun, perkara ini mampu diatasi jika seseorang individu mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik. Menurut Nurul 'Alyaa Adillah, Mohammad Fazli, Ahmad Hariza, Husniyah dan Mohd Amim (2013), kebanyakan punca masalah kewangan yang berlaku sebenarnya bermula daripada amalan serta tingkah laku individu itu sendiri dalam mengendalikan kewangan mereka. Ini termasuklah berbelanja melebihi pendapatan, penggunaan kad kredit yang berlebihan, membeli mengikut kehendak dari keperluan serta tidak mempunyai simpanan untuk masa kecemasan.



Golongan pelajar juga tidak terkecuali dari tanggungjawab mengendalikan kewangan mereka sendiri. Walaupun sumber kewangan mereka sangat terhad kerana kebanyakan sumber diberikan oleh ibu bapa atau pinjaman pelajaran yang disediakan oleh agensi tertentu, kemahiran mereka menguruskan wang perlu diberikan perhatian kerana ia boleh mempengaruhi pengurusan kewangan mereka apabila bekerja dan berumahtangga kelak (Aisyah & Wajeeha, 2016). Oleh itu, mempelajari bagaimana untuk menguruskan wang merupakan salah satu kemahiran hidup yang sangat penting. Bagi sesetengah individu, bebanan kewangan yang tidak pernah mempunyai kesudahan boleh menjejaskan kesejahteraan hidup. Ramai individu terhimpit dengan situasi sedemikian termasuklah golongan pelajar di mana masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga





mereka turut mengganggu kehidupan pelajar tersebut dari segi emosi dan pembelajaran (Fatin Nabilah, 2011).

Pasaran global yang semakin berisiko dan tidak boleh diramal turut memberi kesan kepada negara-negara dan masyarakat termasuk pelajar. Salah satu implikasi utamanya termasuk kenaikan kos barangan dan perkhidmatan yang memaksa masyarakat menjadi seseorang yang mampu membuat keputusan kewangan yang bermaklumat (Lusardi & Mitchell, 2011). Fenomena ini memerlukan individu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pembiayaan peribadi, atau literasi kewangan.



Pengurusan kewangan yang bijak oleh pelajar dapat membantu mereka dalam menjalani kehidupan dengan lancar di universiti. Bagi pelajar yang dapat mengawal kewangan dengan bijak, mereka mungkin boleh melakukan sedikit tabungan untuk kegunaan pada masa akan datang. Sebaliknya, pelajar akan berdepan dengan pelbagai masalah jika tidak mampu mengurus sumber kewangan yang diperoleh dengan baik (Aisyah & Wajeeha, 2016). Masalah-masalah kewangan yang mungkin akan dihadapi oleh mereka adalah tidak mampu membiayai kos perbelanjaan harian seperti makan dan minum serta bermasalah untuk menjalankan aktiviti akademik dan membeli alatan-alatan seperti buku serta alat tulis. Tahap celik kewangan yang rendah juga boleh menyebabkan keputusan kewangan yang tidak baik dan ini mungkin mengakibatkan banyak masalah seperti hutang atau kebangkrapan. Ini mengakibatkan kelakuan kewangan yang sangat





berbeza dari garis panduan yang disyorkan, yang seterusnya menyumbang kepada tahap kesejahteraan kewangan yang rendah.

Menurut Pinto, Parente dan Mansfield (2005) salah satu faktor yang mempengaruhi tabiat kewangan pelajar adalah agen-agen sosialisasi yang membentuk identiti sosial. Ibu bapa, rakan sebaya dan media massa merupakan agen-agen sosialisasi yang mempengaruhi perkembangan psikologi, emosi dan tingkah laku pelajar. Menurut Clarke, Heaton, Israelsen dan Egget (2009) pasaran pengguna di Malaysia telah berubah dengan ketara, maka peranan ibu bapa untuk memantau tabiat penggunaan anak-anak mereka menjadi lebih kritikal dan sikap ibu bapa juga mempengaruhi perkembangan pengetahuan dan tingkah laku kewangan anak mereka.



Sosialisasi kewangan adalah proses di mana individu memperoleh kemahiran dari alam sekitar, pengetahuan dan sikap yang diperlukan untuk memaksimumkan peranan pengguna mereka di pasaran kewangan (Deborah, 1999). Kanak-kanak memperoleh pengetahuan dan sikap daripada kebanyakan subjek di persekitaran tentang peranan pengguna sebelum memasuki ke dalam kelas. Ini menunjukkan bahawa keluarga, terutama ibu bapa, mempunyai kesan yang besar terhadap tingkah laku kewangan dan literasi individu. Tahap pendidikan kewangan ibu bapa akan ditanamkan kepada anak-anak mereka dan anak-anak akan bertindak membalas tingkah laku ini. Kanak-kanak mempelajari tingkah laku pengurusan kewangan melalui pemerhatian dan penyertaan (pembelajaran sampingan) dan melalui arahan oleh agen sosialisasi (Mohamad Fazli, 2002). Sekiranya ibu bapa bertanggungjawab untuk menanamkan nilai-nilai pengetahuan





kewangan mereka kepada anak mereka, anak mereka akan menjadi celik kewangan walaupun sebelum memasuki alam persekolahan untuk menghadiri kurikulum literasi kewangan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Buijzen dan Valkenburg (2003), 33% pelajar kolej dan sekolah menengah menggunakan media atau internet sebagai medium untuk mencari pengetahuan kewangan. Penyelidikan tersebut telah menunjukkan bahawa televisyen mempunyai kaitan dengan permintaan belian remaja, pengiktirafan jenama, sikap materialistik dan perilaku kewangan. Dengan menganalisis kajian ini, didapati pelajar menyatakan media adalah medium untuk mereka menjadi celik kewangan. Mereka tidak menggunakan cara konvensional untuk mempelajari pengurusan wang dari sekolah. Mereka mempercayai media (televisyen, internet, iklan dan akhbar) mempengaruhi cara mereka membelanjakan wang.



Cude, Lawrence, Lyons, Metzger, LeJeune, Marks dan Machtmes (2006) menyatakan bahawa kewujudan iklan, rakan sebaya dan keseronokan membeli barangan mahal sebagai simbol status juga mempengaruhi tabiat berbelanja pelajar. Tingkah laku kewangan pelajar yang mementingkan barangan kehendak daripada barangan keperluan akan menimbulkan pelbagai kesan negatif terhadap pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Jones (2005) menguatkan lagi penemuan bahawa pelajar yang hanya memiliki baki wang minimum setiap bulan lebih cenderung untuk mempunyai purata nilai gred yang lebih rendah. Pelajar yang berhutang juga akan menjejaskan prestasi keseluruhan akademik mereka.





Menurut Manichander (2014), lokus kawalan adalah sejauh mana individu percaya bahawa mereka berada dalam kawalan keadaan mereka sendiri. Individu yang didorong secara lokus kawalan dalaman percaya bahawa peristiwa masa hadapan ditentukan oleh tingkah laku mereka sendiri, manakala individu yang didorong secara lokus kawalan luaran percaya bahawa peristiwa masa hadapan adalah hasil daripada nasib, peluang atau kawalan orang lain. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang kukuh lebih cenderung untuk lebih peka dengan persekitaran mereka, mengambil langkah-langkah untuk menambah baik persekitaran mereka dan lebih prihatin dengan keupayaan mereka.



05-

Lokus kawalan adalah konsep psikologi yang dibangunkan oleh Rotter pada tahun 1950-an. Konsep ini berkenaan dengan sikap individu tentang kawalan mereka terhadap keadaan kehidupan mereka. Menurut Rotter (1966), orang yang percaya bahawa mereka boleh membuat pilihan untuk mempengaruhi keadaan kehidupan mereka dianggap memiliki lokus kawalan dalaman, sementara orang yang percaya keadaan mereka dikendalikan oleh kekuatan luar dikatakan memiliki lokus kawalan luar. Orang yang mempunyai lokus kawalan luar sering merasakan bahawa mereka adalah mangsa keadaan. Mereka sering melihat di luar diri mereka atau mempercayai bahawa kecerdasan terhad adalah sebab kegagalan mereka. Selalunya orang yang mempunyai lokus kawalan luaran percaya bahawa kejayaan adalah fungsi peluang dan bukannya hasil persediaan yang boleh diramalkan.





Rotter (1966) melaporkan bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan luaran lebih cepat untuk bertindak balas terhadap tekanan kerana mereka lebih cenderung menumpukan perhatian pada halangan dan bukan peluang. Individu yang mempunyai lokus kawalan luaran sering tidak mengambil kredit untuk kejayaan atau kegagalan mereka. Mereka sering tidak aktif dalam keadaan, mempercayai bahawa aktiviti mereka dalam mana-mana senario yang diberikan tidak dapat mempengaruhi hasilnya. Individu yang mempunyai lokus kawalan luaran kurang bermotivasi. Sebaliknya, individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman cenderung bermotivasi tinggi (Rotter, 1966). Mereka lebih cenderung untuk mempercayai bahawa mereka memiliki semua kebolehan yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas. Mereka lebih cepat merasakan tindakan mereka sendiri yang menentukan hasilnya. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman lebih cenderung untuk mengejar cabaran dan bertahan sehingga tugas selesai. Mereka kurang mengalami tekanan kerana mereka memahami bahawa apa-apa hasil berkaitan dengan kepintaran mereka sendiri. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman melihat kejayaan dan kegagalan mereka sebagai usaha mereka sendiri dan bukan hasil daripada orang lain. Mereka juga lebih cenderung untuk menilai kejayaan atau kegagalan terhadap tingkah laku mereka sendiri. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman lebih selesa dengan kemampuan mereka untuk mempengaruhi perubahan dalam kehidupan mereka sendiri.

Penyelidikan Ida dan Dwinta (2010) menyatakan bahawa lokus kawalan tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap tingkah laku pengurusan kewangan. Kajian ini selari dengan kajian Thi, Mien dan Thao (2015) dengan mengatakan bahawa lokus





kawalan mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap tingkah laku pengurusan kewangan, yang bermaksud seseorang dengan lokus kawalan yang baik cenderung untuk tidak melaksanakan tingkah laku pengurusan kewangan yang baik. Tidak seperti kajian Listiani (2017) mendapati lokus kawalan seseorang yang lebih baik mempengaruhi pola corak pengurusan kewangan yang lebih baik. Tingkah laku disebabkan oleh lokus kawalan dalaman adalah lebih penting kerana individu akan lebih berhati-hati dan mengawal perbelanjaannya mengikut keperluan supaya tidak membelanjakan wang pada setiap bulan dan boleh dikatakan bahawa lokus kawalan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap tingkah laku pengurusan kewangan.



Merujuk Varcoe, Martin, Devitto dan Go (2005) pendidikan kewangan terbukti mempunyai pengaruh terkuat terhadap pengetahuan kewangan pelajar universiti.

Pendidikan adalah faktor penting dalam membentuk pengetahuan kewangan dan kelakuan anak-anak muda dan untuk memahami sesuatu perkara, pendidikan harus dipilih terlebih dahulu.

Maka, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sejauh mana pengaruh literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar di IPT.





1.3 Pernyataan Masalah

Shafeq dan Hairiza (2011) menyatakan bahawa masalah pelajar masa kini bukanlah disebabkan masalah kewangan kerana mereka mendapat kemudahan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tetapi masalah utama mereka pada masa kini adalah mereka menghadapi masalah untuk menguruskan kewangan tersebut dengan sebaiknya. Desakan dan pengaruh rakan telah mengakibatkan sesetengah pelajar berbelanja tidak mengikut kemampuan mereka seperti membeli pakaian yang berjenama, telefon bimbit yang canggih dan ada di antara mereka yang suka berseronok di hujung minggu. Keadaan ini akan mengundang pelbagai masalah terutamanya masalah kewangan dan seterusnya kepada masalah-masalah yang lain seperti masalah peribadi,



05-kesihatan, pengajian dan keluarga.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu, merujuk Sarah, Aisyah dan Hairunnizam (2015) kos perbelanjaan pendidikan tinggi hari ini semakin meningkat dan tidak lagi dapat ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Selain dari perlu mengeluarkan wang untuk tujuan pembelajaran seperti membeli bahan ilmiah, alat tulis dan sebagainya, pelajar juga terkesan dengan kenaikan mendadak harga barang-barang keperluan seperti makanan dan lain-lain lagi. Ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada pengurusan kewangan pelajar. Akibat dari sumber kewangan yang terhad dan kos perbelanjaan dan pendidikan yang semakin meningkat, maka mungkin ada di antara pelajar yang menghadapi masalah berkaitan dengan kewangan dalam menjalani kehidupan seharian.





Masalah kewangan turut dihadapi oleh graduan-graduan yang baru saja menamatkan pengajian universiti dan telah memasuki alam pekerjaan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) (2016), jumlah golongan muda yang diisytiharkan muflis berusia 34 tahun ke bawah meningkat setiap tahun. Jumlah ini dijangka akan meningkat menjadi 120,000 pada tahun 2020. Sebilangan graduan muda kini hilang kawalan dari segi pengurusan kewangan mereka dan penggunaan kad kredit yang berlebihan telah menyebabkan mereka dibelenggu hutang yang tidak mampu mereka jelaskan sehingga akhirnya diisytiharkan bankrap. Keadaan ini membimbangkan kerana ia akan menjejaskan masa depan graduan dan pekerja muda tersebut jika mereka menghadapi masalah kewangan semenjak dari awal pekerjaan.



Menurut perangkaan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (2016), sebanyak 97,215 kes kebangkrapan dicatatkan di negara ini sepanjang tempoh 2012 sehingga September 2016. Daripada jumlah itu, sebanyak 22,581 kes, atau 23 peratus, membabitkan kategori dewasa muda, atau Gen Y, yang berumur antara 25 hingga 34 tahun diisytiharkan muflis, selain sebanyak 1,157 kes membabitkan mereka berumur di bawah umur 25 tahun. Perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan wang menjadi faktor utama masalah hutang. Hal ini membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan.





Di Malaysia, isu hutang dalam kalangan pelajar juga sangat berkaitan dengan laporan daripada pihak PTPTN yang merupakan sebuah badan kewangan bagi mengeluarkan pinjaman kepada pelajar dalam pelbagai jurusan dan peringkat pengajian. Masalah utama yang dihadapi oleh badan ini ialah kemungkiran bayaran balik pinjaman. Sejak ditubuhkan, PTPTN telah mengeluarkan pinjaman sebanyak lebih daripada RM9.5 bilion kepada lebih daripada 1.3 juta peminjam. Daripada jumlah tersebut hanya 903,920 peminjam atau 68 peratus membuat bayaran balik iaitu sebanyak RM4.82 bilion atau 50.7 peratus manakala sebanyak 425,792 peminjam gagal membayar balik iaitu sebanyak RM4.69 bilion (Utusan Online, 2013). Kegagalan mendapatkan bayaran balik pinjaman menyebabkan sistem kitaran dana tidak berlaku dan ini mengganggu kecekapan dan keberkesanan sistem PTPTN untuk menggunakan wang bayaran balik sebagai pinjaman kepada pelajar-pelajar di masa hadapan. Maka jika berlarutan, PTPTN perlu mencari dana pendidikan lain untuk terus memberikan pinjaman dalam usaha melaksanakan tanggungjawab selaras dengan objektif penubuhannya.

Keputusan kewangan yang lemah adalah hasil daripada tahap literasi kewangan yang rendah. Terdapat jurang yang besar antara maklumat ekonomi dan kewangan yang rumit dan keupayaan pengetahuan tentang membuat keputusan dalam situasi ini. Individu yang mempunyai tahap celik kewangan yang rendah mengalami kekurangan pengetahuan di setiap peringkat kehidupan mereka seperti yang dibuktikan dalam keputusan yang buruk yang mereka lakukan mengenai perkara kewangan dan produk kewangan di pasaran kewangan (Lusardi & Mitchel, 2007). Pelajar membuat keputusan kewangan mengenai produk kewangan berdasarkan faktor-faktor yang berbeza. Banyak produk





kewangan yang tersedia secara meluas seperti pinjaman pelajar, kad kredit dan lain-lain yang telah menjadi rumit dan sukar untuk dikuasai dan difahami. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang besar dalam mendalami ilmu celik kewangan terutamanya di kalangan generasi muda.

Menurut Bank Negara Malaysia (2010), terdapat lebih RM27.1 bilion kad kredit tertunggak sehingga Januari 2010. Daripada jumlah tersebut, terdapat kira-kira RM24.7 bilion yang merupakan tunggakan semasa manakala RM500 juta masih belum dibayar. Penemuan menunjukkan bahawa pemegang kad cenderung menggunakan kad kredit untuk pendahuluan tunai. Bank Negara Malaysia (2010) juga mendakwa, terdapat kira-kira 50 peratus pemegang kad kredit yang berusia di bawah 30 tahun yang telah difailkan muflis disebabkan ketidakupayaan membayar pembayaran kad kredit mereka. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Malaysia (2010) menyatakan terdapat lebih daripada 1.14 juta peminjam pinjaman pendidikan sejak tahun 1997 dan lebih daripada RM2.61 bilion telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, hanya RM1.22 bilion atau 46.7 peratus telah pulih. Sejumlah 79,000 peminjam tergolong dalam senarai hitam manakala 39,000 yang tidak pernah membayar disekat dari meninggalkan Malaysia ke negara asing dan juga nama mereka diterbitkan di akhbar tempatan.

Pengurusan kewangan yang lemah dapat menjejaskan prestasi akademik pelajar, kesejahteraan mental dan fizikal, dan juga keupayaan untuk mencari pekerjaan selepas tamat pengajian (Bodvarsson dan Walker, 2004 dan Lyons, 2004). Kebimbangan kekurangan mendalami literasi kewangan di kalangan pelajar perlu diberi perhatian





kerana akhirnya ia akan menjejaskan kesejahteraan seseorang, terutamanya di peringkat akhir kehidupan mereka apabila mereka mencapai persaraan di mana mereka harus mendapat manfaat daripada perancangan kewangan dan simpanan.

Kajian oleh Nuur Haziratul (2012) menyatakan salah satu punca tekanan dalam kalangan pelajar adalah disebabkan masalah kewangan di mana pelajar cenderung untuk berasa runsing dan bimbang yang berterusan yang akhirnya mencetuskan ketegangan dalam diri. Pengurusan kewangan yang tidak baik juga turut menyebabkan pelajar mengalami tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000) sehinggakan mereka kurang tidur, sakit, murung, resah dan sering menyendiri (Redhwan, Sami, Karim, Chan & Zaleha, 2009). Namun, tidak semua orang akan mengalami simptom psikologi ini walaupun mereka mengalami masalah besar seperti masalah kewangan. Hal ini kerana setiap orang akan mempunyai daya tahan terhadap tekanan yang berbeza. Sebagai contoh, bagi pelajar yang bermotivasi tinggi, apabila dia menghadapi masalah, malah pelajar itu menjadikan masalah tersebut sebagai satu penggerak untuk berjaya. Hal ini bermakna pelajar tersebut berupaya untuk menangani tahap tekanan tinggi kepada rendah. Sememangnya dalam kes pelajar, wujud hubungan yang signifikan antara tahap tekanan, pencapaian akademik dan daya tindak pelajar (Azam, 2007). Tetapi, apa yang penting adalah setiap individu perlu berfikiran positif bagi memudahkan mereka memperoleh jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.





Selain itu, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk program literasi kewangan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, New Zealand dan Jepun (Cameron, Calderwood, Cox, Lim & Yamaoka, 2013). Dalam erti kata lain, isu kekurangan pengetahuan kewangan dan kemahiran ini merupakan fenomena global. Pendidikan kewangan atau program literasi kewangan diperlukan terutama di negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Tahap literasi kewangan yang tinggi sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Individu yang mempunyai krisis kewangan cenderung untuk menghadapi tekanan hidup di mana salah satu punca tekanan adalah masalah kewangan yang dihadapi (Ferlis, Balan & Rosnah, 2009). Keadaan seperti ini akan menimbulkan kecelaruan dalam hidup yang boleh mengakibatkan sakit mental jika tidak ditangani dengan bijak. Dahlia, Rabitah dan Zuraidah (2009) menyatakan bahawa ramai pelajar tidak mengetahui cara menguruskan kewangan dengan betul. Ini kerana, sekiranya mereka mempunyai wang, pelajar tersebut akan membelanjakan wang tersebut secara sewenang-wenangnya kerana kurangnya kefahaman mengenai literasi kewangan di kalangan mereka. Hasil dapatan Farah dan Reza (2015) juga mendapati tahap literasi kewangan mahasiswa jurusan ekonomi adalah pada tahap yang rendah. Walaupun belajar di dalam jurusan ekonomi, mahasiswa tersebut tidak mempunyai literasi kewangan yang tinggi. Jantina juga sangat mempengaruhi corak perbelanjaan yang dibuat oleh pelajar dengan wang yang mereka ada. Menurut Wang dan Xiao (2009), perempuan lebih cenderung untuk membelanjakan lebih banyak wang pada pakaian berbanding lelaki yang lebih banyak berbelanja pada hiburan dan makan di restoran.





Menurut Idris, Krishnan dan Azmi (2013), sebahagian besar generasi muda hari ini mempunyai orientasi jangka pendek dan dilindungi dari realiti cabaran sebenar yang sedang berlaku di dunia. Keadaan ini membimbangkan kerana ia pasti akan menyebabkan ketidakupayaan generasi muda untuk menilai keadaan sebenar. Keadaan ini adalah benar berdasarkan kepada peningkatan dalam mendapatkan kad kredit, yang menyebabkan banyak kebangkrutan berlaku dalam penggunaan kad kredit di kalangan generasi muda. Selain isu itu, terdapat juga bukti banyak graduan yang melanggar kontrak penggunaan Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi (PTPTN), pinjaman yang diberikan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka. Trend ini membawa kepada kekurangan keselamatan kewangan, kemerosotan kualiti hidup dan mewujudkan masalah sosial di masa depan yang boleh menghalang proses pembangunan dan kemajuan negara (Idris et



Pelajar juga mempelajari tingkahlaku pengurusan kewangan menerusi pemerhatian dan penyertaan (pembelajaran sampingan) serta melalui arahan daripada agen sosialisasi. Ibu dan bapa mempengaruhi pelajar dengan membiarkan mereka memerhati dan meniru apa yang dilakukan oleh ibu bapa. Menurut buku Remaja Bijak Berbelanja (Syuhaili & Amaludin, 2012), ramai remaja didapati menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan kewangan secara berdikari. Mereka menyedari bahawa pembelian yang mereka lakukan selalunya ditentukan oleh apa yang orang lain ingin mereka beli. Orang lain ini adalah seperti rakan sebaya, ibu bapa, saudara-mara dan sebagainya. Oleh itu, mereka berasa tidak berpuas hati dengan apa yang telah dibeli, kepuasan kepenggunaan akan menurun dan selepas satu jangka masa, mereka akan mula





berfikir atau merasa untuk membuat pembelian baharu. Senario ini cenderung membuatkan remaja banyak terlibat dalam pembelian gerak hati hasil kekurangan pengalaman dalam membuat keputusan pembelian yang rasional.

Merujuk kajian Bona (2018), tingkah laku perbelanjaan pelajar-pelajar kolej sangat dipengaruhi oleh latar belakang keluarga mereka. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk bukan sahaja dari segi sikap terhadap pengurusan kewangan tetapi juga sikap semasa zaman kanak-kanak. Oleh itu, adalah penting bahawa individu mula belajar tentang kewangan semasa remaja untuk mereka mempunyai peluang terbaik untuk berjaya apabila dewasa kelak. Mempunyai pengetahuan kewangan yang baik sahaja tidak mencukupi. Sikap ibu bapa yang menyokong sikap kewangan yang bertanggungjawab juga amat penting. Berdasarkan penemuan, penyelidik percaya bahawa jika ibu bapa mempunyai pemahaman yang lebih baik bagaimana celik kewangan boleh menyumbang kepada kejayaan anak-anak mereka pada masa akan datang, mereka mungkin lebih tertumpu untuk menanamkan tingkah laku kewangan yang positif dan menggalakkan pendidikan kewangan di rumah.

Menurut Azizi, Abdul Razak, Sharifudin dan Zanariah (2003) locus kawalan diperlukan bagi memperolehi pengurusan kewangan yang mantap dan pencapaian akademik yang cemerlang. Merujuk kajian ini juga sesetengah pelajar mudah menyalahkan sesuatu atau seseorang seandainya tidak dapat mengurus kewangan dengan baik dan mendapat pencapaian yang rendah, seperti penerangan pensyarah yang kurang jelas, soalan ujian atau peperiksaan yang sukar dan sebagainya. Mereka percaya bahawa





faktor luaran mempengaruhi kegagalan mereka dan mereka tidak mampu untuk menghalangnya. Orientasi lokus kawalan adalah sangat penting. Jika pelajar tidak menyedari bahawa apa yang diperolehi adalah kesan atau reaksi dari usaha mereka sendiri, pelajar akan kurang bersedia dan tidak berusaha ke arah mencapai kejayaan dan kewangan yang mantap. Sebaliknya, pelajar akan berusaha keras seandainya mereka menyedari dan yakin bahawa faktor yang menentukan kejayaan dan pengurusan kewangan yang mantap adalah diri mereka sendiri.

Pencapaian akademik adalah satu aspek yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan pelajar. Pencapaian akademik pelajar berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Kajian Ab Halim, Zuria dan Safani (2005) menunjukkan bahawa pencapaian akademik bukan sahaja dipengaruhi oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar tetapi juga budaya yang melengkungi keluarga dan masyarakat yang melengkungi kehidupan pelajar. Kajian ini membuktikan bahawa kedudukan kewangan yang lemah menjejaskan prestasi akademik, kesejahteraan mental dan fizikal dan keupayaan graduan untuk mencari pekerjaan selepas tamat pengajian. Pelajar universiti pada awal tahun pengajian juga menghadapi pelbagai masalah disebabkan proses transisi kehidupan mereka di universiti (Mastura, Fadilah & Nor Akmar, 2007). Senario ini dapat dilihat apabila terdapat sesetengah golongan pelajar yang menunjukkan kecemerlangan akademik di peringkat persekolahan tetapi tidak dapat mengekalkan pencapaian yang baik apabila berada di universiti. Faktor persekitaran, kewangan, hubungan interpersonal dan cara pemikiran pelajar boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada pelajar.





Kajian menunjukkan bahawa celik kewangan yang tidak mencukupi boleh membawa kepada kesusahan perkahwinan yang boleh meningkatkan kadar penceraian perkahwinan pelajar apabila mereka berkahwin kelak. Disiplin kewangan memainkan peranan penting dalam survival hubungan mereka. Oleh itu, keupayaan untuk hidup dalam rancangan yang dirancang, mengurangkan hutang dan meningkatkan simpanan kewangan untuk menggalakkan kebahagiaan perkahwinan (Kerkmann, Lee, Lown & Allgood, 2000). Isu literasi kewangan yang menonjol melangkaui hubungan perkahwinan dan untuk itu, pelajar perlu mempelajari dan mahir dalam literasi kewangan untuk mempertahankan perkahwinan mereka.



Pengetahuan mendalam dalam kewangan peribadi membantu individu-individu serta masyarakat untuk membuat keputusan. Menurut Bruine de Bruin, Strough dan Parker (2014), orang yang tidak cenderung dalam celik kewangan cenderung untuk mengalami masalah inflasi yang seterusnya mempengaruhi seluruh rakyat sesebuah negara kerana pengetahuan peribadi yang tidak mencukupi akan membatasi kemampuan seseorang untuk membuat keputusan kewangan yang cekap dan akhirnya terlibat dalam pembelian impuls.

Maka, kajian mengenai literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan di kalangan pelajar perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap literasi kewangan pelajar, pengaruh agen sosialisasi dalam perbelanjaan, pengaruh lokus kawalan pelajar dan apakah permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pengajian mereka di universiti serta sama ada terdapat perbezaan gender, kaitan pengetahuan sedia





ada serta bidang pengajian pelajar terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar di IPT.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu objektif am dan objektif khusus. Objektif am ialah untuk mengkaji pengaruh literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan locus kawalan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar IPT.



05-Objektif khusus kajian ini ialah:



1. Untuk mengenal pasti sumber-sumber utama kewangan pelajar dan permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar di IPT.
2. Untuk menentukan tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, locus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar di IPT.
3. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, locus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik berdasarkan faktor jantina.
4. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, locus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik berdasarkan faktor bidang pengajian pelajar.





5. Untuk menentukan sama ada faktor literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar.
6. Untuk menentukan sama ada faktor lokus kawalan bertindak sebagai mediator di antara pengaruh literasi kewangan dan agen sosialisasi kewangan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, penyelidik telah membentuk persoalan kajian bagi



05 melancarkan pencapaian objektif yang telah digariskan iaitu:



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1. Apakah sumber-sumber utama kewangan dan permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar di IPT?
2. Apakah tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, lokus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar di IPT?
3. Adakah tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, lokus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik berbeza secara signifikan berdasarkan faktor jantina pelajar?
4. Adakah tahap literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, lokus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik berbeza secara signifikan berdasarkan faktor bidang pengajian pelajar?





5. Adakah faktor literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan locus kawalan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar?
6. Adakah faktor locus kawalan bertindak sebagai mediator di antara pengaruh literasi kewangan dan agen sosialisasi kewangan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik pelajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah seperti berikut:



05-4506832

- (i) H1 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi literasi kewangan di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- (ii) H2 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi agen sosialisasi kewangan di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- (iii) H3 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi locus kawalan di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- (iv) H4 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pengurusan kewangan di antara pelajar lelaki dan perempuan.





- (v) H5 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- (vi) H6 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi literasi kewangan berdasarkan bidang pengajian.
- (vii) H7 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi agen sosialisasi kewangan berdasarkan bidang pengajian.
- (viii) H8 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi lokus kawalan berdasarkan bidang pengajian.
- (ix) H9 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pengurusan kewangan berdasarkan bidang pengajian.
- (x) H10 : Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian akademik berdasarkan bidang pengajian.
- (xi) H11 : Faktor literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan pelajar secara signifikan.
- (xii) H12 : Faktor literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar secara signifikan.




- (xiii) H13 : Faktor lokus kawalan bertindak sebagai mediator di antara pengaruh literasi kewangan dan agen sosialisasi kewangan terhadap amalan pengurusan kewangan pelajar secara signifikan.
- (xiv) H14 : Faktor lokus kawalan bertindak sebagai mediator di antara pengaruh literasi kewangan dan agen sosialisasi kewangan terhadap pencapaian akademik pelajar secara signifikan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan Rajah 1.1, faktor yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, lokus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik. Kerangka konseptual ini diperolehi daripada kajian-kajian lepas. Kajian ini menggunakan gabungan teori berikut sebagai asas dalam membuat kajian.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Literasi kewangan adalah gabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan kelakuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang mantap dan pada akhirnya mencapai kesejahteraan kewangan individu (*Organization of Economic Co-operation and Development*, OECD). Merujuk model konseptual OECD (2012), literasi kewangan mengandungi enam komponen asas iaitu (1) Menyimpan, (2) Belanjawan Peribadi, (3) Isu Ekonomi, (4) Konsep Kewangan, (5) Perkhidmatan Kewangan dan (6) Pelaburan. Model ini digunapakai kerana lebih relevan dan bertepatan dengan objektif kajian. Selain itu, ia digunakan oleh banyak kajian terdahulu.

Teori Pembelajaran Sosial (*Social Learning Theory*) yang diperkenalkan oleh Bandura (1977), mencadangkan bahawa kebanyakan tingkahlaku manusia dipelajari secara pemerhatian melalui model. Melalui pemerhatian ke atas individu lain, seseorang akan mengumpul idea bagaimana tingkahlaku baru dilaksanakan pada masa akan datang. Maklumat yang direkodkan ini bertindak sebagai panduan untuk tindakan yang diambil kemudian (Moschis, 1987). Pelajar mempelajari tingkahlaku pengurusan menerusi pemerhatian dan penyertaan (pembelajaran sampingan) serta melalui arahan daripada agen sosialisasi. Ibu dan bapa mempengaruhi pelajar dengan membiarkan mereka memerhati dan meniru apa yang dilakukan oleh ibu bapa. Selain ibu dan bapa, rakan, komuniti dan media juga membentuk pelajar dari semasa ke semasa. Pelajar mula memahami dan membentuk nilai, pengetahuan dan sikap tentang kewangan.





Ibu dan bapa bertindak sebagai sumber utama untuk menyampaikan kepercayaan dan mengukuhkan tingkah laku anak-anak mereka. Tingkah laku perbelanjaan adalah salah satu subset yang paling penting dalam pembelajaran kanak-kanak di bawah pengawasan ibu bapanya. Kajian Badruzaman (2006) telah mengesahkan bahawa pengalaman yang diperolehi daripada ibu dan bapa di zaman kanak-kanak menggambarkan pilihan membeli-belah mereka pada masa akan datang.

Bandura (1977), menekankan bahawa manusia belajar dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Pembelajaran pemerhatian, yang dinamakan juga sebagai pemodelan, terhasil apabila manusia atau anak-anak memerhatikan tingkah laku orang lain atau mereka yang signifikan dan mencatatkan konsekuen tingkah laku tersebut.



05 Kebanyakan pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan pelbagai tingkah laku dipelajari melalui pemodelan. Anak-anak remaja biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan. Ini menjelaskan bahawa mengapa tingkah laku berbeza-beza mengikut masyarakat dan budaya. Bandura (1977), menganggap pemodelan merupakan demonstrasi yang penting tentang peranan kognitif dalam pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua tingkah laku model ditiru. Anak-anak cenderung meniru tingkah laku yang diberikan peneguhan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman. Sementara itu, sekiranya tidak diketahui peneguhan dan hukuman yang diperolehi, anak-anak atau remaja cenderung meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik, yang disukai, dan berjaya atau malahan mereka mengandaikan bahawa tingkah laku mereka itu sering membawa kepada peneguhan.





Bandura (1977), telah menjalankan satu kajian, hasilnya beberapa orang kanak-kanak pra sekolah telah ditunjukkan adegan seorang dewasa yang memukul patung bernama Bobo. Kemudian, apabila kanak-kanak tadi dibiarkan bersendirian dengan patung tadi, mereka telah memukul patung tersebut sebagai mana telah dilakukan oleh orang dewasa tadi. Kadar tingkah laku agresif adalah sama seperti apa yang telah dilakukan oleh orang dewasa pada sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa amat mudah bagi kanak-kanak meniru sesuatu perlakuan tanpa mengetahui apakah perlakuan tersebut wajar atau tidak. Dalam satu kajian lain, Bandura (1977), membuat perbandingan antara tingkah laku ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif dan anak yang terkawal. Teori Bandura (1977), mengatakan bahawa tingkah laku anak sepatutnya selari dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian tersebut mendapati ibu bapa yang mempunyai anak yang terkawal terdiri daripada ibu bapa yang tidak agresif dan boleh mengawal tingkah laku mereka, manakala ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif adalah terdiri daripada mereka yang juga bersikap agresif. Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung.

Lokus kawalan pula adalah sejauh mana seseorang percaya bahawa mereka mempunyai kawalan ke atas peristiwa yang terjadi dalam kehidupan mereka, berbanding dengan kekuatan luar di luar kendalian mereka. Konsep ini dibangunkan oleh Rotter (1954) dikonseptualisasikan sebagai dalaman (kepercayaan bahawa kehidupan seseorang





boleh dikawal) atau luar (kepercayaan bahawa kehidupan dikawal oleh faktor luar, atau peluang atau nasib yang mempengaruhi kehidupan mereka).

Sebagai contoh, pelajar-pelajar dengan lokus kawalan dalaman yang kuat mempercayai bahawa markah mereka adalah ditentukan oleh kebolehan dan usaha mereka. Mereka berpegang kuat kepada kepercayaan ‘semakin banyak saya belajar, semakin baik gred yang akan saya dapat’. Mereka juga akan mengubah strategi pembelajaran sekiranya mendapati sebarang kekurangan atau kelemahan dalam strategi tersebut. Selain itu, mereka turut akan meningkatkan jangkaan mereka jika mereka berjaya. Sebaliknya, mereka akan berasa bimbang apabila mereka berpendapat mereka tidak berupaya untuk mengawal sesuatu perkara. Contohnya menyiapkan



05-4506832 tugas mereka.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berbeza dengan pemegang lokus kawalan dalaman, pelajar-pelajar dengan lokus kawalan luaran yang kukuh mempercayai bahawa gred mereka adalah hasil daripada nasib baik atau buruk, guru atau Tuhan. Kebanyakan daripada mereka berpendapat ‘tidak kira berapa banyak saya belajar, guru yang menentukan gred saya, saya hanya berharap saya akan bertuah dalam ujian’. Mereka berpegang teguh kepada kepercayaan nasib. Mereka cenderung untuk menurunkan jangkaan mereka apabila mereka memperoleh markah yang baik. Keadaan yang sama di mana mereka mempercayai bahawa gred ujian yang seterusnya akan bertambah baik apabila mereka gagal dalam ujian yang lepas. Kemungkinan bagi pemegang-pemegang lokus kawalan luaran untuk





belajar daripada pengalaman yang lepas adalah rendah dan mereka mempunyai kesukaran untuk meneruskan tugas mereka.

Dalam Teori Keberkesanan Diri (*Self-Efficacy Theory*) yang diperkenalkan oleh Bandura (1986), konsep keberkesanan diri ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang untuk mengatur dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Keupayaan ini adalah penentu prestasi akademik (Bandura, 1986, 1997). Keberkesanan diri yang tinggi akan menggalakkan seseorang untuk meneruskan matlamat peribadi yang mencabar dan mempunyai usaha yang banyak untuk merealisasikannya dan menunjukkan prestasi akademik yang tinggi. Pelajar yang percaya mereka mampu dan boleh akan melakukannya dengan lebih baik dari segi usaha, ketekunan dan tingkah laku daripada mereka yang percaya mereka kurang mampu dan tidak mengharapkan untuk berjaya (Pintrich & Schunk, 2002).

Teori yang mendasari keberkesanan diri adalah manusia dapat mencapai kejayaan jika mereka memiliki kepercayaan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk berjaya. Keberkesanan diri adalah kepercayaan kemampuan individu dalam menyelesaikan tugas. Keberkesanan diri tidak mengatasi kemahiran sebenar yang dimilikinya (Bandura, 1997).





Idea keberkesanan diri adalah berkaitan dengan pendidikan kerana kebanyakan pembelajaran yang berlaku ditunjukkan dengan menyelesaikan tugas. Keberkesanan diri adalah penting untuk prestasi akademik kerana ramai pelajar tidak boleh mencuba sesuatu tindakan jika mereka tidak percaya bahawa mereka boleh berjaya. Keberkesanan diri adalah relevan dalam perbincangan mengenai prestasi akademik kerana kepercayaan para pelajar mempengaruhi prestasi (Bandura, 1997).

Keberkesanan diri dilihat penting kepada prestasi skolastik kerana ia mempengaruhi tindakan secara langsung dan memberi kesan kepada penentu kognitif, motivasi, keputusan dan afektif (Bandura, Caprara, Barbaranelli, Gerbino, & Pastorelli, 2003). Menurut Bandura (1997), keberkesanan diri adalah salah satu daripada beberapa pemboleh ubah psikososial yang dapat dikaitkan dengan prestasi akademik. Prestasi akademik telah dinilai di semua peringkat dari tadika hingga universiti. Oleh kerana keberkesanan diri berada dalam domain afektif, ia boleh digunakan untuk memahami sifat emosi yang dipaparkan oleh pelajar dalam pendidikan.

Kepercayaan keberkesanan diri dikembangkan dan diperkuatkan oleh penguasaan, pemodelan dan dorongan semasa sosialisasi (Bandura, 1997). Pelajar mendapat kecekapan melalui peristiwa berulang apabila mereka mengecapi kejayaan. Sebagai contoh, pelajar yang mengalami kekerapan hasil yang memuaskan kurang berkemungkinan untuk gagal. Pelajar yang mempunyai tahap keberkesanan diri lebih cenderung untuk mencuba pengalaman baru dan kurang berkemungkinan mengalami



kegagalan. Pelajar yang mempunyai keberkesanan diri yang lebih tinggi lebih cenderung untuk mengaitkan kegagalan akademik kepada kekurangan usaha (Bandura, 1997).

Kerangka konseptual ini dibangunkan dengan menggunakan model konseptual OECD (2012) bagi pemboleh ubah literasi kewangan, teori pembelajaran sosial bagi pemboleh ubah agen sosialisasi kewangan, konsep yang dibangunkan oleh Rotter (1954) bagi pemboleh ubah lokus kawalan dan teori keberkesanan diri bagi pemboleh ubah pencapaian akademik bagi menentukan sama ada kesemua pemboleh ubah bersandar ini menyumbang kepada pemboleh ubah bebas (amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik) pelajar atau tidak.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah seperti berikut:

(i) Pelajar

Pelajar tidak terkecuali dalam menguruskan sumber-sumber yang ada di sekeliling mereka. Melalui kajian ini dapat dilihat bagaimana amalan pengurusan kewangan dalam pengurusan sumber-sumber yang terhad dalam kalangan pelajar IPT.



Dalam menjalani kehidupan di universiti yang berdekatan dengan bandar metropolitan seperti Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain, pelajar juga perlu sedar bahawa peningkatan kadar kos hidup membuatkan perancangan dan literasi kewangan semakin menjadi satu keperluan dalam menguruskan kehidupan mereka di kampus.

Tanpa pengetahuan yang mendalam tentang kepentingan terhadap perancangan kewangan akan membuatkan setiap individu tidak dapat menguruskan kewangan mereka dengan sebaik mungkin. Mungkin banyak faktor yang mempengaruhi mengapa kewangan tidak dapat menampung keperluan kehidupan mereka.



Satu lagi kepentingan tambahan literasi kewangan adalah tanggapan bahawa individu yang celik kewangan lebih bersedia untuk mencari kemahiran di dunia pekerjaan. Plush (2013) membincangkan hubungan antara celik kewangan dan kesediaan tenaga kerja. Plush juga mengatakan bahawa mengajar celik kewangan secara positif boleh mempengaruhi pelajar dan membawa kepada perkembangan peribadi. Oleh itu, individu yang mempunyai tahap celik kewangan yang lebih tinggi memperoleh kemahiran secara serentak yang akan membantu mereka mendapatkan bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga di tempat kerja, yang boleh diterjemahkan ke dalam bilik darjah atau kelas juga. Tambahan pula, Kezar dan Yang (2010) juga menyokong idea bahawa pendidikan dalam pengetahuan kewangan boleh membawa kepada keyakinan, kemahiran penilaian, dan kemahiran berfikir secara kritis. Kemahiran ini adalah satu lagi kelebihan peribadi yang berkaitan dengan celik kewangan. Menjadi individu yang celik





kewangan secara serentak bersesuaian dengan kemahiran positif dan sifat tingkah laku yang akhirnya dapat meningkatkan kemahiran individu di dalam kelas, tempat kerja dan kualiti kehidupan secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperhatikan bahawa terdapat hubungan antara celik kewangan dan kesan psikologi positif. Willis (2009) membincangkan idea bahawa pendidikan kewangan membawa kepada celik kewangan, yang akhirnya membawa kepada keputusan kewangan dan tingkah laku yang baik dan berkeyakinan. Dengan pemahaman ini, celik kewangan boleh membawa kepada faedah psikologi serta manfaat kewangan.



Gavigan (2010) juga membincangkan idea bahawa pelajar hari ini sangat lemah dari segi celik kewangan, dan dengan pendidikan kewangan akan membantu pelajar-pelajar bersedia untuk masa depan yang berjaya. Walaupun manfaat meningkatnya celik kewangan termasuk peningkatan keupayaan kewangan, golongan muda dapat memperoleh banyak manfaat lain daripada celik kewangan. Kajian Cull dan Whitton (2011) menegaskan tanggapan Gavigan bahawa celik kewangan adalah penting bagi golongan muda dengan menjelaskan kesannya yang tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang kuat. Kekurangan literasi kewangan boleh membawa kepada masalah kewangan seperti hutang dan juga masalah fizikal dan emosi seperti kesihatan yang buruk dan kualiti kehidupan yang rendah. Jika kekurangan celik kewangan berkaitan dengan perselisihan fizikal dan emosi, ini mungkin diterjemahkan ke dalam kelas. Sekiranya individu mengalami kualiti kehidupan yang lebih rendah atau tekanan yang meningkat, ini boleh menjejaskan prestasi akademik atau keyakinan diri di dalam kelas.





Xu dan Zia (2012) mengutarakan idea dalam penemuannya bahawa celik kewangan yang tinggi membawa kepada pencapaian pendidikan yang lebih tinggi. Celik kewangan adalah berkaitan dengan usaha pendidikan tinggi, dan pencapaian pendidikan tinggi dihubungkan dengan prestasi akademik, dengan itu terdapat hubungan antara celik kewangan dan prestasi akademik. Begitu juga, Lusardi, Mitchell dan Curto (2010) menjalankan kajian yang mendapati mereka yang menghadiri atau merancang untuk menghadiri kolej mendapat lebih baik pada ujian celik kewangan. Tambahan pula, Lusardi mencatat kepentingan memulakan pendidikan celik kewangan di sekolah menengah, atau sekurang-kurangnya sebelum pelajar mula membuat keputusan kewangan yang serius dengan sendirinya. Oleh itu, mungkin terdapat hubungan langsung antara celik kewangan dan pencapaian pendidikan, walaupun kajian ini tidak mengambil kira ukuran lain selain kejayaan akademik. Kajian oleh Jagman (2014) memberi tumpuan kepada pendidikan kewangan di DePaul University di Chicago. Jagman menekankan pentingnya celik kewangan dari segi kejayaan dan pelajar menyatakan bahawa celik kewangan adalah penting untuk pendidikan dan ijazah pada masa kini, dan memberikan cadangan untuk melaksanakan bengkel Literasi Kewangan untuk meningkatkan celik kewangan pelajar.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat melihat perbezaan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan memandangkan kajian ini dapat melihat perbezaan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan mengikut matlamat, kehendak, keperluan mereka yang berbeza-beza. Selain itu, kajian ini dapat menjawab persoalan berkaitan perbezaan literasi





kewangan pelajar dan kaitan bidang pengajian pelajar dalam amalan pengurusan kewangan serta kewujudan agen sosialisasi yang mempengaruhi amalan pengurusan kewangan pelajar dan kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar.

Hasil kajian ini juga begitu penting untuk pelajar bagi mengetahui pengurusan kewangan yang bijak dan lebih baik. Sebagai pelajar, mereka perlu mendalami teknik pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik supaya tidak mengalami krisis kewangan yang teruk dalam pengajian. Pelajar juga boleh mengambil langkah bersesuaian dengan situasi dan permasalahan yang dihadapi dalam menjalani kehidupan di kampus. Langkah yang bijaksana mampu untuk mengurangkan masalah kewangan dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian ini dapat menyedarkan pelajar tentang fungsi sebenar kewangan serta input-input yang berguna yang perlu diamalkan supaya masalah kewangan tidak mengganggu pembelajaran mereka di IPT.

(ii) Ibu Bapa

Semasa zaman kanak-kanak lagi, manusia mempelajari banyak perkara melalui pemerhatian ke atas pola perlakuan pengguna ibu bapa mereka. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkahlaku kewangan pelajar berbanding pengaruh antara perorangan (interpersonal) yang lain. Sebahagian besar tingkahlaku kewangan yang diamalkan oleh anak-anak dipengaruhi oleh cara pengurusan kewangan ibu bapa itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi input kepada ibu bapa untuk mengamalkan budaya penggunaan yang positif dan seterusnya melahirkan masyarakat yang berhemah.





Salikin, Abdul Wahab, Zakaria, Masruki dan Nordin (2012) menganalisis kesan latar belakang ibu bapa terhadap tingkah laku tabungan pelajar di universiti tempatan Malaysia dan mendapati bahawa keadaan kewangan ibu bapa dan latar belakang pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku simpanan pelajar. Pelajar yang telah berbincang dengan ibu bapa mereka tentang pengurusan wang mempunyai pengetahuan yang lebih dan positif tentang perilaku kewangan secara lebih bertanggungjawab. Oleh itu, jelas bahawa ibu bapa mempunyai kesan penting kepada simpanan pelajar. Wong (2013) juga meneroka amalan simpanan di kalangan pelajar menengah, kolej atau universiti dan mendapati bahawa pengetahuan kewangan dan sosialisasi ibu bapa adalah dua faktor penting untuk mempengaruhi simpanan.



Hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada para ibu bapa terutama mereka yang mempunyai anak-anak yang belajar di IPTA atau IPTS. Hal ini penting agar mereka dapat mengetahui dan memahami bagaimana anak-anak mereka menguruskan kewangan dengan bijak dan cekap apabila berjauhan dengan mereka. Ini adalah kerana sesuatu pembelajaran itu bermula di rumah. Sekiranya ibu bapa mendidik anak-anak menguruskan wang sejak kecil lagi kemungkinan tidak akan berlaku sebarang masalah dan pelajar lebih disiplin dan konsisten dalam menguruskan wang.





(iii) Universiti

Maklumat dari kajian ini juga diharapkan dapat membantu pembentukan program pendidikan dalam bidang pengurusan kewangan personal oleh para profesional serta mereka yang pakar di dalam bidang penasihat dan kaunseling kewangan di IPT. Pelajar di IPT bergantung kepada biasiswa ataupun pinjaman pendidikan sebagai sumber kewangan utama bagi membiayai perbelanjaan pendidikan mereka. Program pendidikan kewangan diharap dapat mendidik pengguna terutamanya di kalangan pelajar di IPT agar mereka menjadi seorang pengguna yang cekap dan bijak pada masa hadapan. Ini selaras dengan Dasar Pengguna Negara yang bertujuan menggalakkan penggunaan lestari (*Sustainable Consumption*) di kalangan pengguna dan menjamin kedaulatan negara untuk mencapai Wawasan Negara.



(iv) Kerajaan

Kajian ini juga dapat membantu pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan dalam menilai sekaligus dijadikan panduan kepada pihak lain bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar. Ia juga memberi gambaran mengenai pengetahuan sedia ada serta kemahiran pengurusan kewangan pelajar supaya program yang sesuai dapat dirangka bagi membangunkan pelajar yang bijak dalam berbelanja serta boleh menjadi contoh kepada pelajar yang lain.





(v) Masyarakat

Sejajar dengan Wawasan 2020, hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri, tanggungjawab ini perlu digalas oleh pelajar IPT masa kini. Justeru itu, adalah wajar untuk mengkaji tentang tingkahlaku kewangan pelajar kerana cara pelajar membelanjakan wang dan tingkahlaku mereka di pasaran akan mempengaruhi bentuk masyarakat pengguna pada masa hadapan.

1.9 Batasan Kajian

Dalam proses menjalankan kajian, beberapa limitasi kajian yang kemungkinan berlaku adalah seperti kajian ini hanya terhad kepada responden dalam IPT di Semenanjung Malaysia sahaja. Memandangkan kajian dijalankan dalam masa dan perbelanjaan yang terhad, maka hanya 480 responden sahaja dipilih secara bertujuan untuk menyertai kajian ini.

Selain itu, limitasi yang dihadapi oleh pengkaji ialah bagi menentukan tempat kajian kerana jarak dan masa menjadi pertimbangan utama bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana beberapa lokasi kajian terletak jauh dari tempat tinggal pengkaji. Oleh yang demikian, borang soal selidik terpaksa di hantar melalui pos kerana faktor jarak dan masa. Ini mempengaruhi kelancaran kajian dan pengkaji terpaksa mengambil masa yang panjang untuk mendapat keputusan kajian.





Para pensyarah juga memainkan peranan penting dalam proses pengedaran borang soal selidik kepada responden. Terdapat beberapa orang pensyarah daripada beberapa IPT enggan memberikan kerjasama di atas pelbagai alasan. Hal ini mendatangkan kesukaran kepada pengkaji untuk mengutip data daripada responden yang terlibat.

Maklumat yang diperolehi juga mungkin tidak dapat menjawab persoalan dan memberi gambaran sepenuhnya terhadap permasalahan yang dikaji. Ketepatan hasil kajian juga bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang diberikan. Sekiranya responden tidak menjawab secara tepat atau jujur, ini boleh membuat keputusan kaji selidik kurang tepat. Satu lagi limitasi yang mungkin berlaku jika responden tidak dapat mengingat maklumat tertentu yang berkaitan dengan latar belakang mereka semasa menjawab borang soal selidik.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian yang dibuat terdapat beberapa penggunaan istilah yang akan digunakan oleh pengkaji iaitu





1.10.1 Literasi Kewangan

Merujuk Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2005), literasi kewangan bermaksud satu proses yang mana para pengguna meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap produk dan konsep kewangan dan melalui maklumat, arahan, nasihat dan objektif, membentuk skil dan tahap keyakinan untuk lebih sedar mengenai risiko kewangan dan peluang untuk membuat pilihan dalam membuat keputusan yang efektif dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan. Merujuk Lusardi dan Mitchell (2008) pula literasi kewangan didefinisikan sebagai kebolehan untuk membuat keputusan mudah yang berkaitan dengan kontrak hutang, khususnya mengaplikasikan pengetahuan asas tentang faedah terkompoun yang diukur dalam konteks pilihan kewangan seharian. Bagi kajian Mandell (2007), literasi kewangan adalah keupayaan untuk menilai instrumen kewangan yang baru dan kompleks dan membuat pertimbangan yang bermaklumat dalam kedua-dua pilihan instrumen dan sejauh mana penggunaan yang akan menjadi kepentingan jangka panjang. Maka dalam kajian ini, maksud literasi kewangan adalah keupayaan pelajar IPT melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas kewangan demi melaksanakan sesuatu keputusan kewangan yang mantap.





1.10.2 Agen Sosialisasi

Merujuk Gunawan (2000), agen sosialisasi merupakan hubungan interaktif dimana individu dapat belajar mengenai kewujudan sosial dan budaya sebagai anggota masyarakat. Merujuk kepada Nasution (2009) pula mendefinisikan sosialisasi sebagai suatu proses bimbingan individu ke dalam dunia sosial. Sosialisasi dilakukan dengan membimbing individu agar menjadi anggota masyarakat yang baik dengan cara memberikan bimbingan dalam hal kebudayaan yang harus dimiliki dan diikutinya. Menurut Andy Schmitz (2012), agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, rakan sebaya dan media massa. Maka dalam kajian ini, maksud agen sosialisasi adalah kewujudan individu lain seperti ibu dan bapa, adik-beradik, rakan-rakan, komuniti, media massa dan lain-lain sebagai agen yang mempunyai pengaruh dalam kehidupan seseorang pelajar.

1.10.3 Lokus Kawalan

Menurut pengasas konsep lokus kawalan Rotter (1966), lokus kawalan merujuk kepada kepercayaan individu kepada dirinya sendiri (lokus kawalan dalaman) ataupun kepercayaan dirinya dipengaruhi oleh faktor luar (lokus kawalan luaran). April, Dharani dan Peters (2012) pula mengatakan lokus kawalan bermaksud kemungkinan tingkah laku tertentu berlaku serta kesan daripada tingkah laku tersebut. Merujuk kepada French dan Shojaee (2014), lokus kawalan didefinisikan kepada kecenderungan seseorang untuk melihat sesuatu peristiwa secara dalaman atau kepercayaan individu tentang kawalan





terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Maka dalam kajian ini, maksud lokus kawalan adalah kebolehan pelajar IPT mengawal tingkah laku kewangan mereka secara dalaman dan luaran.

1.10.4 Amalan Pengurusan Kewangan

Merujuk Nur Hazwani dan Lokman (2008), pengurusan kewangan melibatkan penggunaan pelbagai teori ekonomi dan maklumat-maklumat perakaunan bagi mencapai matlamat firma atau individu. Jumaat, Ahmad Rafli, Zaimah dan Hamdino (2012) pula mendefinisikan pengurusan kewangan ialah seni dan sains dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu mahupun organisasi. Manakala merujuk Joo (2008), pengurusan kewangan bermaksud meningkatkan kesejahteraan kewangan secara positif dan kegagalan untuk menguruskan kewangan peribadi boleh membawa kepada kesan jangka panjang yang serius. Maka dalam kajian ini, maksud amalan pengurusan kewangan adalah suatu proses yang melibatkan perancangan pengagihan dan penggunaan wang tunai bagi memenuhi matlamat kewangan seseorang pelajar.

1.10.5 Pencapaian Akademik

Ahmad Rizal, Nurul Akmar dan Saifulnizam (2005), menakrifkan pencapaian akademik secara operasional melalui suatu ujian berasaskan penilaian guru dalam sesuatu ujian.





Manakala *Research Center on Academic Success [CRIRES]* (2005) menyatakan pencapaian akademik membawa maksud pencapaian pada tahap tertentu yang diperoleh oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan serta kemahiran. Tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang telah dilalui serta kemampuan individu berkenaan dalam aspek pendidikan, kelayakan dan sosialisasi. Lawrence (2013) pula menjelaskan pencapaian akademik didefinisikan sebagai tahap pencapaian sebenar atau kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik, yang bertentangan dengan potensi seseorang dalam tujuan pendidikan yang diukur dengan peperiksaan. Maka dalam kajian ini, maksud pencapaian akademik adalah keputusan purata nilai gred kumulatif yang diperoleh oleh pelajar sepanjang pembelajaran mereka di IPT.



1.11 Rumusan

Di dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan latar belakang mengenai kajian literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan dan lokus kawalan terhadap amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar IPT. Beberapa isu yang wujud dalam mempengaruhi amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik turut dikemukakan bagi menyokong permasalahan kajian ini. Pengkaji mengemukakan enam objektif kajian, soalan kajian serta 14 hipotesis kajian. Kerangka konseptual kajian adalah berdasarkan teori OECD, Pembelajaran Sosial, Rotter dan Keberkesanan Diri. Beberapa kepentingan dan batasan kajian turut dijelaskan. Pengkaji turut menjelaskan





definisi pemboleh ubah utama iaitu literasi kewangan, agen sosialisasi kewangan, lokus kawalan, amalan pengurusan kewangan dan pencapaian akademik supaya tidak berlaku kesilapan tafsiran dalam kajian ini.

